

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM KOMITED ATASI ISU KEPADATAN MURID
DI SK CYBERJAYA**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin terhadap isu kepadatan murid di SK Cyberjaya, Selangor seperti yang dilaporkan oleh media.

Beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dirancang dan sedang dalam peringkat pelaksanaan bagi mengatasi isu ini. Antara penyelesaian jangka pendek yang sedang dilaksanakan termasuk penyuraian murid Tahun 1 ke beberapa buah sekolah yang berdekatan serta kelulusan pembinaan kabin 12 buah bilik darjah tambahan.

Bagi penyelesaian jangka panjang, SK Cyberjaya (2) yang dibida dalam RMKe-12 RP3 (tahun 2023) telah mendapat kelulusan dan kini berada dalam proses perolehan. Sekolah baharu ini bakal dilengkapi dengan 36 bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain mengikut konsep reka dan bina bagi mempercepatkan proses pembinaan. SK Cyberjaya (2) dijangka siap pembinaan pada tahun 2028.

KPM turut mempunyai perancangan masa hadapan bagi mengatasi isu kepadatan murid di Cyberjaya. Ini termasuk menerusi pembinaan sekolah menengah baharu SMK Cyberjaya (2) yang akan dimohon dalam RMKe-13 RP1 Tahun 2026 pada tahun ini dan perolehan tanah bagi pembinaan SK Cyberjaya (3) yang akan dimohon dalam RMKe-13 RP2 Tahun 2027 pada tahun 2025.

KPM sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan murid, guru dan semua warga sekolah di seluruh negara. Pendidikan manusiawi memastikan akses pendidikan terbaik untuk semua murid.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
15 MAC 2024